

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PN. HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

**TARIKH : 9.10.2019**

**SOALAN**

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL  
PENGGUNA** menyatakan:-

- a. Adakah kempen *Buy Muslim First* (BMF) bercanggah dengan undang-undang negara; dan
- b. Adakah kempen BMF ini menyebabkan impak negatif terhadap ekonomi negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

Matlamat Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing dan mampan, khususnya dalam sektor perdagangan pengedaran. Kementerian sentiasa berpegang kepada prinsip perdagangan dengan menggalakkan persaingan dan menentang sebarang bentuk monopoli. Kementerian juga komited untuk melindungi kepentingan dan hak pengguna dengan mengekang kenaikan harga barang yang membebankan pengguna serta memastikan barang atau perkhidmatan yang diterima oleh pengguna halal, bersih dan berkualiti.

Hak pengguna untuk membuat pilihan telah dinyatakan di bawah Dasar Pengguna Negara di mana pengguna berhak untuk mendapatkan barang atau perkhidmatan yang terbaik. Secara tidak langsung ia menyumbang kepada perkembangan ekonomi melalui persaingan untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna.

Dalam Bajet 2019, Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM20 juta untuk menggerakkan inisiatif Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM). Inisiatif KBBM adalah bersifat inklusif kerana ia melibatkan semua rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

Di bawah inisiatif KBBM, produk PKS Malaysia akan disenarai tetap di pasar raya besar, pasar raya, kedai serbaneka dan di kedai i-Keep (Inisiatif Kedai Ekonomi Rakyat) melalui sewaan ruang dan rak jualan. Melalui KBBM juga, produk Malaysia berpotensi untuk menembusi portal online seperti Lazada, Shopee dan Presto Mall. Kementerian berharap potensi produk berkualiti dapat dinikmati oleh pengguna melalui penawaran barang dan perkhidmatan yang terbaik keluaran rakyat Malaysia.